

Lebih 70 kebun bandar ada di Kuala Lumpur

Denyut nadi kota tidak pernah berhenti dengan kebanyakan penghuninya sibuk dengan bermacam-macam tugas seharian.

Namun, dalam kesibukan pelbagai tugas sebilangan warga kota mengambil inisiatif untuk berkebun yang disifatkan sebagai terapi minda menerusi aktiviti sihat dengan berkebun sambil mengeratkan silaturahmi.

Inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggalakkan penghuni kota mengisi masa lapang dengan berfaedah dilaksanakan menerusi projek Kebun Bandar.

Ketika ini, ada lebih 70 Kebun Bandar di pelbagai lokasi di ibu kota diwujudkan membabitkan tiga kategori iaitu individu, persatuan dan korporat.


Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Muhammad Asrak Mohd Osman, menjelaskan Kebun Bandar sudah dilaksanakan di Kuala Lumpur sejak 2014.

DBKL sediakan peruntukan dan beri bantuan logistik untuk kerja membersihkan kawasan.

"Kebanyakan hasil yang diperolehi menerusi Kebun Bandar untuk kegunaan sendiri, namun ada juga peserta menjual hasil tanaman itu secara kecil-kecilan di pasar.

Cara tanaman Kebun Bandar dibuat secara tradisional, iaitu di atas tanah, manakala sekarang ada kaedah baharu dengan mengguna-

kan kaedah polybag, hidroponik atau bahan terbuang seperti botol air mineral dilubangkan.



Muhammad Asrak

Ramai suka berkebun

Jadi minat penduduk menanam sayuran itu dapat dilihat, seperti di pangsapuri Sri Malaysia apabila daripada 17 peserta, kini meningkat 156 peserta, membabitkan lima komuniti mengusahakan kebun di sekeliling Kolum Takungan Banjir Sungai

Midah.

Empat komuniti lagi membabitkan penduduk dari Program Perumahan Rakyat (PPR) Sri Malaysia, PPR Desa Petaling, Kampung Malaysia Raya dan Kampung Malaysia Tambahan.

"Awalnya tanah terbiar membabitkan 0.4 hektar dan ia mendapat sambutan menjadikan sekeliling kolam takungan kepada 1.2 hektar ditanam pelbagai jenis tanaman.

"Setiap pagi dan petang kawasan ini bertukar meriah kerana ramai turun mengusahakan kebun," katanya.

Semak-samun jadi kebun sayur


Beliau yang juga penyelaras program Kebun Bandar gembira melihat kawasan semak-samun kini dimanfaatkan sepenuhnya.

"Ia sebagai terapi penduduk dan mengeratkan silaturahmi. Yang penting peserta mengusahakan dan diurus mengikut syarat ditetapkan.

"Malah, ia juga menghasilkan landskap pelbagai tanaman yang unik dan mencantikkan sesuatu kawasan," katanya.



Berkebun menggunakan teknik tapak samaian dan hidroponik di Kebun Bandar Pangsapuri Sri Malaysia, Kolum Takungan Sungai Midah, Sungai Besi.



info

Jenis Kebun Bandar

- Dilaksanakan secara individu
- Berkumpulan terdiri daripada komuniti penduduk atau Kawasan Rukun Tetangga (KRT)
- Dikendalikan oleh syarikat korporat